

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: UPACARA MAJLIS PENYAMPAIAN PENYATA KEUNTUNGAN SEKIM  
AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)

TEMPAT: DEWAN TUNKU CANSELOR, UNIVERSITI MALAYA

TARIKH: 10 APR 1982

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Amat Berhormat  
Datuk Musa Hitam  
Timbalan Perdana Menteri;  
Yang Amat Berbahagia  
Tun Ismail Ali,  
Pengerusi P.N.B. dan A.S.N.B.;  
Yang Berhormat-Yang Berhormat;  
Dif-dif Kehormat;  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekelian.

Setelah Sekim Amanah Saham Nasional dilancarkan hampir setahun, pada hari ini kita sekali lagi berkumpul di satu majlis yang tidak kurang pentingnya bagi menilai pencapaian Sekim Amanah Saham Nasional setakat ini.

2. Penubuhan Sekim Amanah Saham Nasional ialah salah satu daripada bukti kesanggupan Kerajaan untuk memperimbangan kedudukan ekonomi antara kaum dan mewujudkan keadilan sosial di negara ini. Melalui Sekim ini, peluang-peluang telah bertambah bagi sebahagian besar rakyat negara ini, iaitu rakyat bumiputera, untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dan masa depan mereka supaya setanding dengan golongan-golongan lain. Sekim ini merupakan satu alat penting bagi penyertaan bumiputera di dalam sektor syarikat yang sekian lama menjadi sektor yang asing bagi bumiputera. Melalui Sekim ini bumiputera bukan sahaja dapat menikmati faedah daripada keuntungan sektor yang berpengaruh ini, malahan, dengan penyertaan yang meluas dan berani, mereka akan dengan sendirinya membuat sumbangan ke arah pencapaian matlamat sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti bumiputera di dalam sektor syarikat. Selain dari ekuiti, kita harus ingat bahawa oleh kerana majoriti atau bahagian yang besar dari ekuiti ini dimiliki oleh Perbadanan Nasional Berhad (P.N.B), pengurusan dan lain-lain kerja yang penting dalam bidang perniagaan sekarang telah terbuka kepada bumiputera. Urusan perniagaan besar dan kerja-kerja penting dalam perusahaan tidak lagi terasing dari bumiputera. Ini bermakna peningkatan kecekapan bumiputera yang membuka peluang yang begitu luas bagi mereka. Oleh kerana perdagangan bergantung kepada kontak atau kenalan dan pendedahan di dalam dunia perniagaan, maka penglibatan bumiputera akan bertambah sepanjang masa.

3. Pelaksanaan Sekim ini merupakan salah satu langkah untuk menepati janji Kerajaan kepada rakyat, iaitu janji untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum, memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi rakyat dan membawa kebahagiaan dan kesejahteraan kepada negara dan rakyat amnya. Khususnya janji ini ialah janji bahawa Kerajaan Pusat dan Negeri akan menubuh atau mengambil ekuiti dalam syarikat-syarikat dan apabila syarikat-syarikat ini berjaya, Kerajaan akan memindahkan milik syarikat ini kepada bumiputera. Soal yang timbul apabila kejayaan syarikat-syarikat ini sudah menjadi kenyataan ialah siapakah bumiputera yang akan mengambil alih syarikat-syarikat ini.

4. Mengikut amalan biasa dalam dunia perdagangan, cuma mereka yang mempunyai keupayaan, iaitu mereka yang mempunyai modal dan kecekapan sahaja yang berpeluang membeli syarikat. Setelah Dasar Ekonomi Baru berjalan selama 10 tahun ramai juga bumiputera yang mampu membeli dan menguruskan syarikat-syarikat milik badan-badan yang ditubuh oleh Kerajaan. Mereka ini memang berminat untuk membeli syarikat-syarikat yang sudah maju, ataupun saham-saham milik Kerajaan dalam syarikat-syarikat ini. Jika Kerajaan menjual atau memindah syarikat-syarikat ini kepada mereka yang mampu ini, walaupun ini bermakna bumiputera sudah mendapat bahagian mereka, tetapi ini juga bermakna kebanyakan daripada bumiputera lain tidak akan merasai nikmat dari satu usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

5. Oleh kerana tujuan kita ialah untuk melibatkan seramai-ramai bumiputera untuk memiliki saham dan mendapat keuntungan daripada tindakan Kerajaan ini, Kerajaan telah mengkaji berbagai-bagai sekim untuk mengagih saham-saham kepada kebanyakan bumiputera. Hasil dari kajian inilah P.N.B. dan Amanah Saham Nasional ditubuh. Melalui ASN sesiapa sahaja dari bumiputera yang layak serta mempunyai \$10.00 dapat membeli saham dalam semua syarikat milik Kerajaan dan badan-badan amanah bumiputera yang ditubuh oleh Kerajaan. Dan untuk menentukan bahawa mereka yang kaya tidak membolot sebahagian besar dari unit-unit amanah saham, Kerajaan menghadkan pembelian setakat \$50,000.00 sahaja bagi seseorang. Mungkin ada yang akan mengkritik sekim ini kerana kononnya orang yang tidak mempunyai \$10.00 tidak dapat melabur. Sebenarnya dalam dunia perniagaan orang yang membeli saham tidak mungkin membeli kurang dari \$1,000.00. Peluang bagi seorang yang cuma mampu melabur \$10.00 adalah satu peluang luar biasa, terutamanya apabila \$10.00 dapat membeli 100 saham bernilai \$100.00. Oleh kerana kemudahan dan keistimewaan ini, ASN telah menjadi satu Amanah Saham yang terbesar sekali di negara Malaysia dengan jumlah pelabur seramai hampir 900,000 orang dan pelaburan sebanyak \$340 juta.

6. Sekim ASN ini jelas berjaya membahagi-bahagikan kekayaan dan faedah dari pelaburan dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan kepada seramai-ramai bumiputera di negara Malaysia. Di samping itu ia tidak menjejaskan pengurusan

syarikat-syarikat ini atau membenarkan syarikat-syarikat ini dikongkong oleh sebilangan kecil dari bumiputera yang kaya.

7. Sekim ASN ini adalah satu sekim yang unik yang tidak pernah dicuba di mana-mana jua di dunia. Ia bukan sekim sosialis atau kapitalis tetapi adalah sekim keadilan di mana kuasa Kerajaan dan kekayaan negara diguna untuk mengagih nikmat kepada seramai-ramainya rakyat di Malaysia. Sekim ini bukan bertujuan mengambil duit Kerajaan untuk di masukkan ke dalam saku rakyat dengan percuma. Untuk membantu rakyat berbagai subsidi telah diadakan. Sekim ini ialah satu jenis pelaburan dalam perniagaan di mana risiko untung-rugi masih ada tetapi di alas sedikit oleh Kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

8. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru mereka yang makan gaji dan berpendapatan tetap bulanan, sama ada mereka di dalam sektor awam mahupun swasta, supaya menyertai Sekim ini melalui sistem potongan gaji. Jika lebih dari 500 ribu kakitangan bumiputera dalam sektor Kerajaan dan lebih dari 1.1 juta mereka yang bekerja di dalam sektor syarikat melabur di dalam Sekim ini melalui sistem potongan gaji ini, saya yakin, pertambahan secara konstan setiap tahun akan menjamin pencapaian matlamat pelaburan yang kita harapkan.

9. P.N.B. telah diamanahkan untuk membuat pelaburan bagi kepentingan bumiputera. Yayasan Pelaburan Bumiputera, sebagai badan induk, akan terus memastikan supaya P.N.B. dapat meneruskan usaha mengambil alih ekuiti atau saham yang dimiliki oleh agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat amanah bumiputera.

10. Hingga akhir bulan Februari 1981, Kumpulan P.N.B. telah melabur di dalam 98 syarikat dengan nilai kosnya berjumlah 2.8 ribu juta ringgit yang mana 57 daripadanya telah dipindahkan kepada Sekim Amanah Saham Nasional dengan nilai kos \$536 juta. Di samping itu, ramai juga bumiputera dan badan-badan lain yang melabur dalam sektor syarikat. Tetapi, kita masih belum dapat mencapai matlamat kita iaitu sekurang-kurangnya 18% dalam jangka waktu 11 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan. Cuma jika penyertaan bumiputera dipertingkatkan melalui Amanah Saham Nasional baharulah matlamat kita akan tercapai.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Sekim Amanah Saham Nasional telah mengeluarkan 10 peratus dividen dan satu unit bonos percuma bagi tiap-tiap sepuluh unit yang dimiliki. Pembahagian dividen dan bonos yang berjumlah 83.12 juta ringgit ini menunjukkan "viability" Sekim ini dan faedahnya kepada bumiputera yang melabur di dalamnya. Saya harap keuntungan yang diperolehi oleh mereka yang menyertai Sekim ini, serta keputusan Kerajaan untuk merendahkan had umur penyertaan dari 21 tahun kepada 18 tahun mulai lhb. Januari tahun ini, serta tanggungjawab yang dipikul oleh setiap rakyat bumiputera,

akan meningkatkan lagi penyertaan bumiputera di dalam Sekim ini.

12. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membuat berbagai-bagai sumbangan untuk menjamin kejayaan dan perjalanan Sekim Amanah Saham Nasional. Saya menyeru mereka supaya meneruskan sumbangan positif ini demi masa depan negara kita. Kepada rakyat bumiputera pula, saya berharap supaya mereka akan meneruskan perjuangan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka dengan semangat dan usaha yang lebih gigih. Sekim Amanah Saham Nasional adalah satu usaha ke arah perimbangan kaum dan perpaduan negara. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.